

# 100 jemaah umrah terkandas di KLIA

Pakej diambil bersama sebuah agensi timbul masalah, penerbangan dibatalkan saat akhir

Oleh MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR  
SHAH ALAM

Kira-kira 100 jemaah umrah kecewa apabila penerbangan mereka ke Arab Saudi dibatalkan saat akhir pada Isnin.

Kebanyakan mereka telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang dari Kelantan, Perak, Kedah, Pahang, Johor dan Sabah kerana dimaklumkan akan berlepas jam 3.10 petang Isnin dengan menaiki pesawat

Malaysia Airlines.

Seorang mangsa, Noor Hazwani Kee A Chuan, 37, berkata, dia bersama ibu, bapa dan kakak mengambil pakej umrah bersama sebuah agensi dengan setiap seorang dikenakan bayaran kira-kira RM10,000.

"Malangnya, kami bukan sahaja tidak dapat menuhaikan ibadah di Tanah Suci, malah turut bimbang wang yang dibayar lesap begitu sahaja.

"Saya juga difahamkan ada jemaah dari Sabah mengambil pakej daripada agensi sama sudah berada di Semenanjung sejak dua minggu lalu untuk berlepas ke Tanah Suci," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Noor Hazwani dari Tumpat, Kelantan berkata, agensi terlibat membuat pelbagai janji kepada bakal jemaah kononnya mereka akan berlepas pada Selasa atau Rabu.

"Sebaik sampai (di KLIA pada Isnin) saya mula tidak sedap hati apabila wakil agensi memaklumkan penerbangan



Jemaah umrah mendengar penjelasan daripada wakil agensi di KLIA.

kami ditangguhkan pada Selasa.

"Semalam (Selasa) kami dimaklumkan agensi umrah mengalami masalah teknikal dan pihak mereka akan berusaha untuk selesaikan masalah ini segera, namun hari ini (Rabu) kami diminta berkumpul di KLIA semula untuk dihantar pulang,"

jelasnya.

Noor Hazwani memberitahu, sepanjang dua hari itu, pihak agensi menempatkan jemaah umrah di sebuah hotel berdekatan.

Sehubungan itu katanya, laporan polis telah dibuat pada Rabu di Balai Polis Bandar Baru

Salak Tinggi, Sepang manakala laporan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) juga telah dibuat.

"Kami juga dalam proses membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," tambah beliau.